

# Prof. Dr. Abdul Aziz dilantik TNC (Akademik dan Antarabangsa)

BATU PAHAT 28 Sept. – Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof. Dr. Abdul Aziz Datuk Abd. Samad dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) berkuat kuasa 1 Oktober ini.

Pegawai Perhubungan Awam UTHM, Shafry Salim berkata, perlantikan yang dibuat oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin itu adalah untuk tempoh tiga tahun.

“Penyandang jawatan itu sebelum ini iaitu Prof. Dr. Rugayah Mohamed pula dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) iaitu satu jawatan yang baru diwujudkan bagi menggantikan jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni),” katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Abdul Aziz merupakan anak kelahiran Muar, Johor dan pernah berkhidmat di

Universiti Putra Malaysia (UPM) sebelum berhijrah ke UTHM pada 2003.

Beliau memperoleh ijazah pertama dalam bidang Kejuruteraan Awam dari Universiti Glasgow pada 1984 dan ijazah sarjana dalam bidang Kejuruteraan Struktur dari Universiti Strathclyde pada 1986.

Pada 1994, beliau berjaya menamatkan pengajian di peringkat doktor falsafah di University of Manchester, England.

Sementara itu, Shafry berkata, kewujudan jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) merupakan satu langkah penting ke arah memperkasakan aspek penyelidikan dan inovasi di UTHM.

Menurutnya, pelantikan Rugayah yang berlatarbelakangkan bidang ekonomi dilihat amat bertepatan untuk jawatan itu khususnya dalam menjayakan usaha pengkomersialan hasil penyelidikan ahli akademik universiti.